By the end of 2011, a total of 298,611 trees were planted covering an area of 87.25 hectares under the Programme for the Planting of Mangroves and Other Suitable Tree Species Along the National Coastline.

A total of 18 awareness campaigns were conducted under this programme throughout the country. This campaign involved various communities with the purpose to enhance public awareness on the importance of coastal forests as well as to instill the spirit of 'common ownership' for environmental wellbeing.

The Department also published a book related to the programme that is Annual Report on Programme for the Planting of Mangroves and Other Suitable Tree Species Along the National Coastline 2010.

Forest Biological Diversity Scientific Expedition

In the efforts to enhance the scientific knowledge base and documentation of biodiversity composition in PRFs, the Department conducted a seminar namely the Seminar on the Scientific Expedition of Forest Biological Diversity of Gunung Besar Hantu in Seremban, Negeri Sembilan on 10-11 May 2011.

Tiga (3) buku Prosiding Seminar juga telah diterbitkan iaitu Prosiding Kepelbagaian Biologi Hutan Pergunungan Cameron Highlands, Pahang: Pengurusan Hutan, Persekitaran Fizikal dan Kepelbagaian Biologi, Prosiding Kepelbagaian Biologi Hutan Taman Negeri DiRaja Belum, Perak: Pengurusan Hutan, Persekitaran Fizikal dan Kepelbagaian Biologi dan Prosiding Kepelbagaian Biologi Hutan Simpan Melaka.

Three (3) proceedings namely the Proceedings for the Forest Biological Diversity of the Mountains of Cameron Highlands: Forest Management, Physical Environment and Biological Diversity, Proceedings for the Forest Biological Diversity of the Royal Belum State Park: Forest Management, Physical Environment, Biodiversity and Socio-economic, and Proceedings for the Forest Biological Diversity of the Malacca Forest Reserve: Forest Management, Physical Environment, Biological Diversity and Socio-economic were published.

V. PENGUSAHASILAN HUTAN

Kawasan Dilesenkan untuk Pengusahasilan

Catuan Tebangan Tahunan (CTT) bagi HSK yang ditetapkan pada tahun 2011 adalah seluas 40,334 hektar. Daripada jumlah CTT ini, hanya seluas 36,503 hektar atau 90.5% telah diusahasilkan. Manakala, Hutan Tanah Kerajaan seluas 35,103 hektar dan Tanah Berimilik seluas 19,164 hektar turut diusahasilkan.

V. FOREST HARVESTING

Area Licensed for Harvesting

The Annual Allowable Cut (AAC) prescribed for PRFs in 2011 was 40,334 hectares. Out of this AAC, only 36,503 hectares or 90.5% were harvested. Meanwhile, an area of 35,103 hectares of Stateland Forest and 19,164 hectares of Alienated Land were also harvested.

Kawasan Dilesenkan Untuk Pengusahasilan pada 2011 (hektar)
Area Licenced For Harvesting for 2011 (hectares)

Jenis Hutan / *Forest Type*		Hektar / *Hectares*	Peratus / *Percent* (%)
Hutan Simpanan Kekal *Permanent Reserved Forest*	• CTT	36,503	33.0
	• Luar / *Outside* CTT*	19,750	17.9
Hutan Tanah Kerajaan *Stateland Forest*		35,103	31.8
Tanah Berimilik *Alienated Land*		19,164	17.3
Jumlah / *Total*		**110,520**	**100.0**

* Kawasan HSK yang diusahasil secara tebang habis untuk tujuan penyelidikan, pembangunan dan perladangan hutan
** PRF clear-felled for research, development and forest plantation.*

VI. PENGELUARAN

Dalam tahun 2011, kesemua pengeluaran hasil kayu terpilih mencatatkan kenaikan di mana kayu venir mencatat kenaikan tertinggi iaitu sebanyak 58.8%. Kenaikan peratus pengeluaran kayu kumai, papan lapis, kayu gergaji dan kayu balak masing-masing adalah sebanyak 46.3%, 5.3%, 0.6% dan 0.3%.

VI. PRODUCTION

In 2011, all the production of selected timber products recorded increases, where the production of veneer recorded the highest increase with 58.8%. The increments in moulding, plywood, sawn timber and log production in terms of percentage were 46.3%, followed by 5.3%, 0.6% and 0.3% respectively.



Pengeluaran Hasil Kayu Terpilih (m^3)
Production of Selected Timber Products (m^3)

Industri	2011	2010	Perubahan Tahunan / *Annual Change* 2011/2010 (%)
Kayu Balak *Log*	4,171,971	4,161,568	+0.3
Kayu Gergaji *Sawn Timber*	2,675,384	2,659,253	+0.6
Papan Lapis *Plywood*	403,262	382,884	+5.3
Venir *Veneer*	54,991	34,634	+58.8
Kayu Kumai *Moulding*	235,500	160,928	+46.3

VII. INDUSTRI BERASAS KAYU

Sebanyak 2,730 kilang pemprosesan berasaskan kayu berlesen telah direkodkan pada tahun 2011. Daripada tujuh (7) jenis industri yang disenaraikan mengikut jadual di bawah, kilang perabot/kilang kerja kayu/pertukangan dan tanggaman telah mencatatkan bilangan terbesar dan diikuti oleh kilang papan.

VII. WOOD-BASED INDUSTRIES

A total of 2,730 licenced wood-based processing mills were recorded in 2011. Out of the seven (7) types of industries listed in the following table, the furniture/wood-working/carpentry and joinery mills were the largest followed by sawmills.

Bilangan Industri Berasas Kayu Utama pada 2011
Number of Major Wood-Based Industries for 2011

Jenis Industri / *Types Of Industries*	Bilangan/ *Number*
Kilang Papan *Sawmill*	671
Kilang Papan Lapis & Venir *Plywood & Veneer Mill*	53
Kilang Kayu Kumai *Moulding Mill*	167
Perabot/Kilang Kerja Kayu/Pertukangan & Tanggaman *Furniture/Wood Working/Carpentry & Joinery Mill*	1,829
Kilang Papan Blok * *Blockboard Mill*	1
Kilang Papan Serpai & Papan Serpih* *Chipboard & Particleboard Mill*	26
Kilang Papan Gentian Sederhana Padat (MDF) * *Medium Density Fibreboard (MDF) Mill*	8

* Sumber : MASKAYU, LPKM
** Source : MASKAYU, MTIB*

VIII. SUMBANGAN SOSIOEKONOMI

Sumbangan Kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia adalah sebanyak RM881.08 bilion dalam tahun 2011. Daripada jumlah ini, sektor perhutanan telah menyumbang sebanyak RM9.27 bilion atau 1.1%.

VIII. SOCIOECONOMIC CONTRIBUTIONS

Contribution to Gross Domestic Product (GDP)

The Gross Domestic Product for Malaysia in 2011 was RM881.08 billion. Out of this total, the forestry sector contributed RM9.27 billion or 1.1%.

Perdagangan Produk Kayu-Kayan

Pada tahun 2011, jumlah pendapatan eksport produk kayu-kayan Malaysia telah berkurangan sebanyak 2.5% kepada RM19.83 bilion berbanding dengan RM20.33 bilion pada tahun 2010. Ianya merupakan 2.9% dari jumlah hasil eksport kasar iaitu f.o.b RM694.55 bilion.

Bagi Semenanjung Malaysia, eksport produk kayu-kayan adalah berjumlah RM10.74 bilion telah mencatatkan penurunan sebanyak 0.9% berbanding RM10.83 bilion pada tahun 2010.

Timber Products Trade

The total export earnings from Malaysian timber products in 2011 decreased by 2.5% to RM19.83 billion as compared to RM20.33 billion in 2010. This accounted for 2.9% of the total gross export earnings at f.o.b RM694.55 billion.

For Peninsular Malaysia, export of timber products amounted to RM10.74 billion, a decrease of 0.9% as compared to RM10.83 billion in 2010.

Kutipan Hasil Hutan Kepada Kerajaan Negeri

Kutipan hasil hutan diperolehi daripada royalti, premium, ses, denda kesalahan hutan, pampasan dan caj/fi lain. Hasil ini telah menyumbang RM419 juta kepada kerajaan negeri pada tahun 2011.

Forest Revenue Collection To The State Government

Forest revenues are derived from royalties, premiums, cess, forest offence fines, compensations and other charges/fees. The forest revenue contributed RM419 million to the state coffers in 2011.

Pekerjaan Dalam Sektor Perhutanan

Dalam tahun 2011, sektor perhutanan di Semenanjung Malaysia menyediakan sejumlah 71,763 peluang pekerjaan secara langsung dalam pelbagai industri seperti jadual di bawah. Namun demikian, maklumat bagi industri perabot adalah termasuk Sabah dan Sarawak. Ini mencatatkan kenaikan keseluruhan sebanyak 2.0% berbanding 70,342 orang pada tahun 2010.

Employment In The Forestry Sector

In 2011, the forestry sector in Peninsular Malaysia provided direct employment to 71,763 persons in the various industries as stipulated below. However, the information on the furniture industry includes Sabah and Sarawak. This registered an overall increase of 2.0% as compared to 70,342 persons in 2010.

Gunatenaga Secara Langsung Dalam Sektor Perhutanan di Semenanjung Malaysia
Total Direct Employment in the Forestry Sector in Peninsular Malaysia

Jenis ***Type***	**2011**	**2010**	**Perubahan Tahunan** ***Annual Change*** **2011/2010 (%)**
Pengusahasilan Hutan *Forest Harvesting*	5,997	5,458	+9.9
Kilang Papan *Sawmill*	17,796	18,417	-3.4
Papan Lapis/ Venir *Plywood/ Veneer*	4,271	4,295	-0.6
Kayu Kumai *Moulding*	3,762	3,635	+3.5
Perabot* *Furniture**	34,635	33,150	+4.5
Penjawat Awam *Public Service*	5,302	5,387	-1.6
Jumlah ***Total***	**71,763**	**70,342**	**+2.0**

* Perangkaan untuk Malaysia, seperti dikeluarkan dalam Statistik Pengeluaran Bulanan (Disember 2011) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.
** Figures for Malaysia as published in Monthly Manufacturing Statistics (December 2011) by Department of Statistics Malaysia*



Jumlah Pelaburan

Jumlah pelaburan dalam industri kayu gergaji, papan lapis dan kayu kumai di Semenanjung Malaysia berdasarkan nilai harta tetap pada tahun 2011 adalah RM2.56 bilion. Ia mencatatkan peningkatan sebanyak RM2.55 bilion atau 0.4% berbanding dengan tahun 2010.

Total Investment

The total investment in the sawmill, plywood and moulding industries in Peninsular Malaysia in terms of fixed assets amounted to RM2.56 billion in 2011. It recorded an increase of RM2.55 billion or 0.4% as compared to 2010.

IX. PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Seramai 3,264 staf JPSM telah mendapat manfaat dari pelbagai aktiviti latihan yang meliputi pelbagai bidang seperti kenegaraan, teknikal, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, teknologi maklumat dan kaunseling/psikologi di sepanjang tahun 2011. Ini melibatkan kehadiran staf di dalam 143 kursus dalam dan luar negara seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Selain daripada itu, seramai 77 pelatih Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan Sesi 2010/2011 di Institut Latihan Perhutanan, Kepong (FORTRAIN) telah menamatkan latihan mereka. Manakala seramai 25 orang pelatih Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan bagi sesi 2010/2012 dan 73 orang pelatih Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan sesi 2011/2012 masih menjalani latihan.

IX. HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT

A total of 3,264 personnel of FDPM had benefited from the various training activities comprising various fields such as nationhood, technical, human resource management, financial management, information technology and counseling/psychology conducted throughout 2011. This involved the participation in 143 courses by the personnel both at local and international levels as shown in the table below.

In addition, a total of 77 trainees of the Forestry Certificate Course for Forester for the 2010/2011 session have completed their training at the Forestry Training Institute, Kepong (FORTRAIN). Meanwhile, 25 trainees of the Forestry Certificate Course for Forest Ranger for the 2010/2012 session and 73 trainees of the Forestry Certificate Course for Forester for the 2011/2012 session are still in training.

Program Latihan 2011
Training Programme 2011

Kategori *Category*	**Dalam Negeri** *Local*	**Luar Negara** *Overseas*
Kursus / Lawatan Belajar *Course / Study Tour*	77	4
Bengkel / Seminar *Workshop / Seminar*	26	8
Persidangan / *Conference*	-	3
Taklimat / Mesyuarat *Briefing / Meeting*	4	17
Ekspedisi / *Expedition*	-	-
Simposium / Forum / Kongres *Symposium / Forum / Congress*	-	1
Dialog / Kolokium / Syarahan Am *Dialogue / Colloqium / Public Lecture*	1	2

Artikel
Article

ARTIKEL 1/ *ARTICLE 1*

Sambutan Hari Perhutanan Sedunia Kali Ke-40 dan Pelancaran Tahun Hutan Antarabangsa 2011 Peringkat Kebangsaan

The National Level Celebration of The 40th World Forestry Day and Launching of The International Year of Forests 2011

Majlis Sambutan Hari Perhutanan Sedunia Kali Ke-40 Peringkat Kebangsaan telah diadakan di Taman Wilayah Nusajaya, Johor Bahru, Johor pada 21 Mac 2011. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YAB Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, Menteri Besar Johor dan turut dijayakan oleh YB. Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia (NRE).

Taman Wilayah Nusajaya, Johor Bahru dipilih sebagai lokasi sambutan kerana ia merupakan *green lung* bagi kawasan Iskandar Malaysia yang sedang pesat membangun. Kawasan ini terletak di Mukim Pulai dan berada 30km dari Pusat Bandaraya Johor Bahru. Tahun 2011 merupakan tahun kedua Negeri Johor menjadi tuan rumah bagi sambutan ini yang mana kali pertama telah diadakan pada tahun 1994 di Tapak Perhutanan Bandar, Johor Bahru.

Tema sambutan pada tahun ini adalah "Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat". Tema ini bertujuan untuk memperkukuhkan lagi hubungan dinamik antara hutan dan masyarakat dengan menghijaukan bumi dan mengekalkan khazanah hutan negara. Di samping itu, ia juga menjadi lambang semangat serta fokus Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri dalam usaha untuk memelihara dan memulihara hutan demi kesejahteraan masyarakat. Khazanah hutan Negara perlu diurus, dipelihara dan dibangunkan secara profesional, sistematik dan berkesan supaya pengeluaran dan perkhidmatannya dapat dinikmati oleh semua rakyat secara berterusan.

Bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Perhutanan Sedunia, pelancaran Tahun Hutan Antarabangsa 2011 juga telah disambut secara serentak. Ianya selaras dengan usaha murni Kerajaan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat umum tentang kepentingan pokok dan hutan dalam kehidupan manusia masa kini dan akan datang. Tahun Hutan Antarabangsa telahpun dilancarkan pada 2 Februari 2011 di New York dengan tema "Hutan untuk Masyarakat".

The 40th National Level World Forestry Day Celebration was held at Taman Wilayah Nusajaya, Johor Bahru, Johore on 21 March, 2011. The ceremony was officiated by YAB Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, Menteri Besar of Johore and was also attended by YB. Dato Sri Douglas Uggah Embas, Minister of Natural Resources and Environment Malaysia (NRE).

Taman Wilayah Nusajaya, Johor Bahru was chosen as the location for this celebration because it is the green lung for the rapidly developing Iskandar Malaysia. This area is situated in the Mukim of Pulai, approximately 30km from Johor Bahru City Centre. This is the second time that the State of Johore played host to this celebration whereby the first was held in 1994 at Tapak Perhutanan Bandar, Johor Bahru.

The theme was "Forests for Community Livelihood". This theme reflects the strengthening of the dynamic relationship between forests and the community by greening the earth and conserving the country's forest heritage. It is also a symbol of the spirit and focus of the Federal Government as well as the State Government in the effort to conserve and rehabilitate the forest for the benefit of society. The national forest heritage should be managed, conserved and developed in a professional, systematic and effective manner so that its products and services will be enjoyed continuously by the public.

The launching of the International Year of Forests 2011 was celebrated simultaneously to further boost the celebration of the World Forestry Day. It is in line with the efforts by the Government to raise public awareness on the importance of trees and forests in the livelihood of communities of today and in the future. The International Year of Forests was launched on 2 February, 2011 in New York with the theme "Forests for People".





Penyerahan pokok ke-8 juta oleh YB. Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia kepada YAB Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, Menteri Besar Johor sebagai simbolik perasmian Majlis Sambutan Hari Perhutanan Sedunia Ke-40 dan Pelancaran Tahun Hutan Antarabangsa 2011 Peringkat Kebangsaan.

The presentation of the 8th million tree by YB. Dato Sri Douglas Uggah Embas, Minister of Natural Resources and Environment Malaysia to YAB Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, Menteri Besar of Johore as a symbol for the opening of the National Level Celebration of the 40th World Forestry Day and Launching of the International Year of Forests 2011.

YAB Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, Menteri Besar Johor menyiram pokok yang ke-8 juta selepas menanamnya sempena Kempen Menanam 26 Juta Pokok pada Majlis Perasmian Sambutan Hari Perhutanan Sedunia Ke-40 dan Pelancaran Tahun Hutan Antarabangsa 2011 Peringkat Kebangsaan di Taman Wilayah Nusajaya Johor Baharu, Johor. Bersamanya ialah YB. Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia.

YAB Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, Menteri Besar of Johore watering the 8th million tree after the planting in conjunction with the 26 Million Trees Planting Campaign at the Opening Ceremony of the National Level Celebration of the 40th World Forestry Day and Launching of the International Year of Forests 2011 at the Taman Wilayah Nusajaya, Johor Bahru, Johore. Beside him is YB. Dato Sri Douglas Uggah Embas, Minister of Natural Resources and Environment Malaysia.



Logo Hari Perhutanan Sedunia
World Forestry Day Logo

Majlis ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan penglibatan pelajar-pelajar sekolah, Jabatan/Agensi Kerajaan, pihak swasta dan juga orang awam termasuk masyarakat Orang Asli. Kehadiran para peserta pada hari tersebut menunjukkan keprihatinan rakyat Malaysia terhadap isu-isu perhutanan dan alam sekitar.

Majlis telah dimulakan dengan persembahan lagu Bangsa Johor, lagu Negaraku dan lagu Warisan Hijau oleh Kumpulan Koir Malar Hijau JPSM dan disusuli dengan persembahan *multimedia* dan *countdown* penanaman pokok yang ke-8 juta di bawah Kempen Menanam 26 Juta Pokok. Selain itu, majlis juga dimeriahkan lagi dengan persembahan *choral speaking* dan deklamasi sajak oleh pelajar-pelajar SK Bandar Baru UDA 2, Johor Bahru, Johor.

The ceremony received an overwhelming response with the participation of school students, Government Departments/ Agencies, the private sector and the public, including the Orang Asli community. The presence of the participants showed the concern of Malaysians towards forestry and environmental issues.

The ceremony began with FDPM's choir Malar Hijau performing of the Bangsa Johor, Negaraku and Warisan Hijau songs, followed by a multimedia presentation and the countdown to the planting of the 8th million tree under the 26 Million Trees Planting Campaign. Furthermore, the ceremony was made merrier by a choral speaking presentation and poetry recitation by students of SK Bandar Baru Uda 2, Johor Bahru, Johore.

Kemuncak kepada majlis ini, YB. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menyerahkan pokok ke-8 juta kepada YAB Menteri Besar Johor sebagai simbolik perasmian dan diteruskan dengan aktiviti penanaman pokok ke-8 juta tersebut. Sebanyak 1,191 batang pokok hutan yang terdiri daripada pelbagai spesies komersial, nadir dan teduhan telah ditanam secara sistem kluster oleh para hadirin. Antara spesies pokok yang ditanam adalah seperti Pulai (*Alstonia angustiloba*), Kapur (*Dryobalanops aromatica*), Keruing merah (*Dipterocarpus verrucosus*), Meranti Pipit (*Shorea assamica*), Tampoi (*Baccaurea macrocarpa*) dan beberapa spesies lain.

The climax of the ceremony was the presentation of the 8th million tree by the Minister of Natural Resources and Environment to the Menteri Besar of Johore as a symbol for the opening and continued with the planting of the 8th million tree. Approximately 1,191 forest trees of various commercial, rare and shade species were planted in clusters by the participants. Among the tree species planted are Pulai (Alstonia angustiloba), Kapur (Dryobalanops aromatica), Keruing Merah (Dipterocarpus verrucosus), Meranti Pipit (Shorea assamica), Tampoi (Baccaurea macrocarpa) and several other species.





Para peserta bersama-sama menanam pokok sempena Majlis Sambutan Hari Perhutanan Sedunia Ke-40 Dan Pelancaran Tahun Hutan Antarabangsa 2011 Peringkat Kebangsaan.
The participants planting trees together in conjunction with the National Level Celebration of the 40th World Forestry Day and Launching of the International Year of Forests 2011.



Masyarakat Orang Asli yang turut hadir memeriahkan lagi Majlis Sambutan Hari Perhutanan Sedunia Ke-40 Dan Pelancaran Tahun Hutan Antarabangsa 2011 Peringkat Kebangsaan.
The Orang Asli community who were present at the National Level Celebration of the 40th World Forestry Day and Launching of the International Year of Forests 2011.



Choral Speaking dan Deklamasi Sajak oleh pelajar-pelajar dari SK Bandar Baru UDA 2, Johor Bahru, Johor
Choral Speaking and Poetry Recitation by students from SK Bandar Baru Uda 2, Johor Bahru, Johore.



ARTIKEL 2/ *ARTICLE 2*

Persidangan Perhutanan Malaysia Ke-16, 5-9 Disember 2011, Melaka Bandaraya Bersejarah

The 16th Malaysian Forestry Conference, 5-9 December 2011, Historical City of Malacca

Persidangan Perhutanan Malaysia Ke-16 telah diadakan dengan jayanya pada 5-9 Disember 2011 di Melaka Bandaraya Bersejarah. Ianya diadakan sekali bagi setiap tiga tahun dan dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Sabah (JP Sabah) dan Jabatan Hutan Sarawak (JH Sarawak) secara bergilir-gilir. Persidangan pada kali ini lebih menumpukan kepada aspek kepentingan faedah sosial perhutanan kepada masyarakat dengan bertemakan "Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat". Majlis Perasmian Persidangan Perhutanan Malaysia Ke-16 telah disempurnakan oleh YB. Datuk R. Perumal, Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pembangunan Desa dan Pertanian mewakili YAB Datuk Seri Hj. Mohd. Ali bin Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka. Tetamu kehormat lain yang turut menjayakan majlis ini adalah Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia.

Sejumlah 281 orang peserta dan pemerhati telah menghadiri persidangan ini. Ianya terdiri daripada pegawai-pegawai kanan JPSM, JP Sabah, JH Sarawak dan *Sarawak Forestry Corporation* serta pemerhati daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

Persidangan ini telah dikendalikan dalam enam (6) Sesi Pleno sepertimana berikut:

Sesi Pleno 1 : Pengurusan Hutan Secara Berkekalan dan Pensijilan Hutan
Sesi Pleno 2 : Ekopelancongan dan Ekonomi Hutan
Sesi Pleno 3 : Perubahan Iklim dan Hutan
Sesi Pleno 4 : Pemeliharaan dan Biodiversiti Hutan
Sesi Pleno 5 : R & D dan Inovasi dalam Perhutanan
Sesi Pleno 6 : Penguatkuasaan dan Perundangan Hutan

Sejumlah 36 kertas kerja dan 18 poster telah dibentangkan semasa Persidangan ini. Berdasarkan perbincangan yang diadakan dan isu-isu yang dibangkitkan, Persidangan pada kali ini telah menghasilkan pelbagai input positif bagi memperkasakan pembangunan sektor perhutanan di negara ini. Di samping itu, ianya mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan meningkatkan profesionalisme dalam bidang perhutanan antara pelbagai agensi perhutanan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

The 16th Malaysian Forestry Conference was successfully held on 5-9 December 2011 at the historical city of Malacca. It is held once every three years and organised on a rotation basis by the Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM), the Sabah Forestry Department (Sabah FD) and the Sarawak Forest Department (Sarawak FD). This Conference focused more on the importance of the social benefits of forestry to the community with the theme "Forests for the Community Livelihood". The 16th Malaysian Forestry Conference was officiated by YB. Datuk R. Perumal, Chairman of the State Rural and Agricultural Development Committee who represented YAB Datuk Seri Hj. Mohd. Ali bin Mohd Rustam, Chief Minister of Malacca. Amongst the honourable guest attended this event is Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Deputy Minister of Natural Resources and Environment, Malaysia.

A total of 281 participants and observers attended this conference. It consists of senior officers from FDPM, Sabah FD, Sarawak FD and Sarawak Forestry Corporation as well as observers from various government and private agencies.

The conference was conducted in six (6) Plenary Sessions as follows:

Plenary Session 1: Sustainable Forest Management and Forest Certification
Plenary Session 2: Eco-tourism and Forest Economy
Plenary Session 3: Climate Change and Forests
Plenary Session 4: Forest Conservation and Biodiversity
Plenary Session 5: R & D and Innovation in Forestry
Plenary Session 6: Forest Law and Enforcement

A total of 36 papers and 18 posters were presented during the conference. Based on the discussions held and the issues raised, the Conference produced numerous positive inputs to strengthen the development of the forestry sector in the country. In addition, it further strengthened the relationship and enhanced the level of professionalism in the forestry sector between the various forestry agencies in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

Berdasarkan perbincangan yang diadakan dan isu-isu yang dibangkitkan, Persidangan telah bersetuju terhadap resolusi sepertimana berikut:

1. Menyedari bahawa pensijilan pengurusan hutan merupakan petunjuk baik ke atas keberkesanan pelaksanaan pengurusan hutan secara berkekalan, Persidangan bersetuju supaya:

    1.1. semua Unit Pengurusan Hutan digalakkan untuk melaksanakan sepenuhnya pensijilan pengurusan hutan sama ada di bawah Skim Pensijilan Kayu Malaysia (MTCS) ataupun lain-lain skim yang kredibel dan diiktiraf di peringkat antarabangsa;
    1.2. perundingan yang kerap di antara agensi-agensi perhutanan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia diadakan bagi memudahkan perkongsian pengalaman yang diperolehi dalam pelaksanaan pensijilan pengurusan hutan;
    1.3. dana dan sokongan teknikal yang mencukupi disediakan untuk pelbagai komponen yang menyumbang kepada pelaksanaan pengurusan hutan secara berkekalan yang efektif;
    1.4. galakan untuk penyertaan yang meluas dan rundingan dengan pihak berkepentingan dalam pengurusan dan pemuliharaan hutan dipertingkatkan;
    1.5. perhutanan masyarakat yang dapat memperbaiki kehidupan diberi keutamaan dalam pelaksanaan pengurusan hutan secara berkekalan; dan
    1.6. kepimpinan yang tertinggi dimaklumkan secara berterusan tentang kepentingan dan status pelaksanaan pensijilan pengurusan hutan bagi memantapkan lagi komitmen dan sokongan mereka.

2. Menyedari bahawa permintaan terhadap hutan untuk rekreasi dan aktiviti-aktiviti ekopelancongan semakin meningkat, Persidangan bersetuju supaya:

    2.1. usaha-usaha padu dipergiatkan untuk memantapkan lagi pembinaan kapasiti, promosi dan pemasaran hutan rekreasi dan kawasan-kawasan ekopelancongan;
    2.2. peluang-peluang ekonomi dibangunkan lagi untuk penjanaan pendapatan dan peluang pekerjaan;
    2.3. penyertaan masyarakat setempat yang lebih meluas digalakkan; dan
    2.4. kawasan-kawasan yang berpotensi untuk ekopelancongan diterokai dan dibangunkan.

Based on the discussions held and the issues raised, the Conference agreed to the following resolutions:

1. *Recognising that forest management certification is a meaningful yardstick for effective implementation of sustainable forest management, the Conference resolved that:*

    1.1. All Forest Management Units be encouraged to fully undertake forest management certification under Malaysia Timber Certification Scheme (MTCS) or other credible internationally recognized scheme;
    1.2. Frequent consultation amongst the forestry agencies in Sabah, Sarawak and Peninsular Malaysia be undertaken to facilitate the sharing of experiences gained in implementing forest management certification;
    1.3. Adequate funding and technical support be made available to various components that contribute towards effective implementation of sustainable forest management;
    1.4. Wider participation of, and consultation with relevant stakeholders in forest management and conservation be further encouraged;
    1.5. Community forestry in improving livelihood be accorded greater emphasis in sustainable forest management; and
    1.6. Leadership at the highest level be constantly updated on the importance and the state of implementation of forest management certification to enhance their continued commitment and support.

2. *Recognising the increasing demand on forest for recreation and ecotourism activities, the Conference resolved that:*

    2.1. Consolidated efforts be intensified to enhance capacity building, promotions and marketing of forest recreation and ecotourism areas;
    2.2. Economic opportunities be further developed for revenue generation and employment;
    2.3. Greater participation of local community be encouraged; and
    2.4 Potential ecotourism areas be explored and further developed.



3. Menyedari akan peranan penting hutan dalam mitigasi kesan-kesan buruk perubahan iklim, Persidangan bersetuju supaya:

   3.1. konsep, dasar, inisiatif dan aktiviti penyelidikan berkaitan perubahan iklim dan peranan hutan dikaji semula, diterokai dan/atau dipertingkatkan;
   3.2. pelan tindakan di peringkat nasional dan sub-nasional untuk REDD+ dan/atau langkah-langkah lain dalam mitigasi dan adaptasi perubahan iklim dirumus dan dilaksanakan; dan
   3.3. dana dan sokongan teknikal yang mencukupi disediakan untuk mitigasi kesan buruk perubahan iklim termasuk penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui.

3. Recognising the important roles of forest in mitigating the adverse effects of climate change, the Conference resolved that:

   3.1. Concepts, policies, initiatives and research activities related to climate change and the roles of forests be revisited, explored and/or intensified;
   3.2. Road map at national and sub-national level for REDD+ and/or other climate change mitigation and adaptation measures be formulated and implemented; and
   3.3. Adequate funding and technical support be made available to mitigate adverse effect of climate change including the use of renewable energy.

4. Menyedari akan kepentingan biodiversiti hutan dan pemuliharaannya, Persidangan bersetuju supaya:

   4.1. tindakan diambil untuk mendokumentasi lagi biodiversiti hutan dan meningkatkan perlindungan kawasan yang mempunyai nilai pemuliharaan tinggi;
   4.2. usaha dipergiatkan untuk memanfaatkan sumber biologi hutan bagi tujuan ekonomi secara mapan;
   4.3. perumusan mekanisme untuk Akses dan Perkongsian Faedah [*Access and Benefit Sharing (ABS)]* sumber-sumber biologi, terutamanya oleh masyarat setempat dan orang asli, disokong penuh;
   4.4. pemuliharaan ex-situ bagi spesies yang jarang dijumpai dan terancam di lokasi yang bersesuaian diberi keutamaan yang lebih; dan
   4.5. usaha Pendidikan Pemuliharaan dan Kesedaran Awam (CEPA) dipertingkatkan untuk memantapkan lagi pemuliharaan biodiversiti hutan.

4. Recognising the significance of forest biodiversity and conservation, the Conference resolved that:

   4.1. Actions be taken to further document forest biodiversity and enhance the protection of areas with high conservation values;
   4.2. Efforts be intensified to harness forest biological resources for sustainable economic purposes;
   4.3. Formulation of mechanism for Access and Benefit Sharing (ABS) of biological resources, notably for the local and indigenous communities, be fully supported;
   4.4. Ex-situ conservation of rare, endangered and threatened species in suitable locations be accorded greater emphasis; and
   4.5. Conservation Education and Public Awareness (CEPA) initiatives be further enhanced to promote forest biodiversity and conservation.

5. Menyedari bahawa R&D dan inovasi adalah amat penting ke arah merealisasikan pengurusan hutan secara berkekalan, Persidangan bersetuju supaya:

   5.1. teknologi terkini dan pendekatan inovasi diterokai dan digunakan sebagai peralatan untuk meningkatkan pengurusan dan pemuliharaan hutan serta industri hutan;
   5.2. penggunaan kepelbagaian biologi yang kaya untuk pembangunan produk-produk herba, hiasan, kosmetik dan farmaseutikal melalui aplikasi bioteknologi bersesuaian dioptimumkan;
   5.3. pembinaan kapasiti untuk memantapkan tahap profesionalisme dan kepakaran dipergiatkan; dan

5. Recognising that R&D and innovations are crucial towards realizing sustainable forest management, the Conference resolved that:

   5.1 State-of-the-art technologies and innovative approaches be further explored and utilised as tools to enhance forest management and conservation as well as forest industry;
   5.2 The utilisation of the rich biological diversity be further optimized for the development of herbal, ornamental, cosmetic and pharmaceutical products through the application of appropriate biotechnology;
   5.3 Capacity building to enhance professionalism and expertise be further intensified; and

5.4. kerjasama di antara penyelidik, pengurus hutan dan pengamal serta pihak-pihak berkepentingan dipergiat dan diselaraskan.

6. Menyedari hakikat kepentingan untuk memupuk integriti, profesionalisme dan dedikasi di kalangan warga perhutanan, serta untuk mempergiatkan penguatkuasaan undang-undang hutan ke arah pengurusan hutan secara berkekalan, Persidangan bersetuju supaya:

6.1. perundangan perhutanan sedia ada dikemaskinikan supaya kekal relevan sejajar dengan perubahan persekitaran perhutanan dan keperluan masyarakat;

6.2. pembinaan kapasiti untuk warga perhutanan dalam penyediaan kertas-kertas siasatan dan pengemukaan bukti kes kesalahan hutan dipertingkatkan;

6.3. pertukaran maklumat mengenai penguatkuasaan undang-undang di kalangan agensi-agensi perhutanan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia dipertingkatkan; dan

6.4. teknologi-teknologi yang inovatif dan pendekatan bersepadu digunakan untuk meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang hutan.

5.4 Cooperation and collaboration among researchers, forest managers, practitioners and other stakeholders be enhanced and synergized.

6. Recognising the importance of fostering greater integrity, professionalism and dedication of forestry personnel, as well as in enhancing forest law enforcement towards sustainable forest management, the Conference resolved that:

6.1 The existing forestry legislations be kept up-to-date and relevant in line with the changing forestry environment and societal needs;

6.2 Capacity building for forestry personnel in preparing investigation papers and tendering of evidences for forestry offences be enhanced;

6.3 Information exchange on law enforcement be enhanced amongst the forestry agencies in Sabah, Sarawak and Peninsular Malaysia; and

6.4 Innovative technologies and integrated approaches be employed to enhance the effectiveness of forest law enforcement.

Di sekitar Majlis Perasmian, Pembentangan dan Penutup Bagi Persidangan Perhutanan Malaysia Ke-16.
The Opening, Presentation and Closing Ceremonies of the 16th Malaysian Forestry Conference.



















ARTIKEL 3/ *ARTICLE 3*

Persaraan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Ke-21

Retirement of the 21st Director-General of Forestry Peninsular Malaysia

YBhg. Dato' Razani Ujang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia telah bersara wajib pada 15 Oktober 2011 setelah berkhidmat dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) selama 33 tahun. Beliau telah mula berkhidmat pada 2 Oktober 1978 sebagai Timbalan Pemelihara Hutan di Institut Penyelidikan Perhutanan (FRI). Di sepanjang perkhidmatannya, beliau telah menyandang pelbagai jawatan dan pada 13 Mei 2009 mula menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Ke-21. Bersempena dengan persaraannya, dua majlis telah diadakan iaitu:

i. Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia pada 14 Oktober 2011 di Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia, Kuala Lumpur. YBhg. Dato' Razani Ujang telah menandatangani dan menyerahkan dokumen Nota Serah Tugas kepada YBhg. Dato' Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Dasar dan Perancangan) sebagai simbolik penyerahan tugas dan tanggungjawab beliau sebagai Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia yang baru. Beliau seterusnya merasmikan plak kenang-kenangan mantan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia yang dipamerkan di ruang legar Bangunan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.

ii. Majlis Makan Malam Jasamu Dikenang pada 16 Oktober 2011 di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur. Satu majlis makan malam telah diadakan untuk meraikan YBhg. Dato' Razani Ujang, mantan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Semasa majlis, sebuah buku bertajuk 'Memoir Rimbawan Sejati' telah dipersembahkan kepada beliau sebagai tanda kenangan sepanjang perkhidmatannya di JPSM.

Sepanjang 2 tahun 5 bulan sebagai Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, beliau telah banyak menyumbang kepada kejayaan dan kemajuan sektor perhutanan. Warga Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia mengucapkan terima kasih dan selamat maju jaya kepada YBhg. Dato'.

YBhg. Dato' Razani Ujang, the Director-General of Forestry Peninsular Malaysia officially retired on 15 October, 2011 after serving the Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM) for 33 years. He began his service on 2 October, 1978 as Deputy Conservator of Forests at the Forest Research Institute (FRI). Throughout his tenure, he has held various positions and on 13 May, 2009 took office as the 21st Director -General of Forestry Peninsular Malaysia. In conjunction with his retirement, two ceremonies were held namely:

i. The Handing Over Notes Ceremony of the Director-General of Forestry Peninsular Malaysia on 14 October, 2011 at the Forestry Department Peninsular Malaysia Headquarters, Kuala Lumpur. YBhg. Dato' Razani Ujang signed and submitted the Handing Over Notes to YBhg. Dato' Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, the Deputy Director-General of Forestry Peninsular Malaysia (Policy and Planning) to symbolically denote the handing over his duties and responsibilities as the new Director-General of Forestry Peninsular Malaysia. The commemorative plaque for the former Director-General of Forestry Peninsular Malaysia on display in the foyer of the Director-General of Forestry Peninsular Malaysia's Building was then officiated by him.

ii. "Jasamu Dikenang" Dinner on 16 October, 2011 at the Mandarin Oriental Hotel, Kuala Lumpur. A dinner was held to celebrate YBhg. Dato' Razani Ujang, the former Director-General of Forestry Peninsular Malaysia. During the ceremony, a book entitled "Memoir Rimbawan Sejati" (Memoirs of a True Forester) was presented to him as a token of his tenure at the FDPM.

During his two (2) years and five (5) months as the Director-General of Forestry Peninsular Malaysia, he has contributed tremendously to the success and progress of the forestry sector. The Forestry Department Peninsular Malaysia's staff would like to express their appreciation and offer their best wishes to YBhg. Dato'.

Biodata Perkhidmatan / *Service Biodata*

YBhg. Dato' Razani Ujang
Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
Director-General Of Forestry Peninsular Malaysia

2.10.1978 – Timbalan Pemelihara Hutan, FRI
Deputy Conservator of Forest, FRI

15.1.1983 – Pegawai Inventori Hutan, JPSM
Forest Inventory Officer, FDPM

1.5.1986 – Pegawai Urusan Hutan, Negeri Pahang
Forest Management Officer, Pahang

1.4.1988 – Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi), Negeri Pahang
Deputy Director of Forestry (Operations), Pahang

7.7.1989 – Menyambung pelajaran Sarjana di University of New Brunswick, Canada
Furthered his Masters at the University of New Brunswick, Canada

15.5.1992 – Pengarah Latihan Perhutanan, JPSM
Director of Forestry Training, FDPM

1.6.1993 – Pengarah Perancangan Hutan, JPSM
Director of Forest Planning, FDPM

15.7.1995 – Pengarah Perhutanan Negeri Selangor
Selangor State Director of Forestry

1.4.2004 – Pengarah Silvikultur & Perlindungan Hutan, JPSM
Director of Silviculture & Forest Protection, FDPM

3.1. 2005 – Pengarah Perhutanan Negeri Perak
Perak State Director of Forestry

1.8.2007 – Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan, JPSM
Deputy Director-General of Forestry (Forest Operations), FDPM

13.5.2009 – Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
Director-General of Forestry Peninsular Malaysia

16.10.2011 – Bersara wajib
Retirement











▲

Dari Atas: YBhg. Dato' menandatangani dokumen Nota Serah Tugas; Bergambar kenangan bersama Datin Mazizah binti Ahmad Armain; Mengetik kad sebagai simbolik persaraan wajib; Melihat buku "Memoir Seorang Rimbawan Sejati"; Penyerahan cenderahati.

From Above: YBhg. Dato' signing the Handing Over Notes; Photograph with Datin Mazizah binti Ahmad Armain; Clocking out as a symbolic gesture of his retirement; Reviewing the book "Memoir Rimbawan Sejati" (Memoirs of a True Forester); Handing over a momento.

ARTIKEL 4/ *ARTICLE 4*

Pelantikan YBhg. Dato' Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim Sebagai Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia

Appointment of YBhg. Dato' Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim as The Director-General of Forestry Peninsular Malaysia

16 Oktober 2011 merupakan tarikh keramat bagi seorang rimbawan kerdil lulusan *Bachelor of Science (Forestry)* daripada Universiti Pertanian Malaysia (kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia) yang amat dikenali sebagai seorang pegawai yang tekun, bekerja keras serta berdedikasi. Pada tarikh itu, beliau telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) yang ke-22 setelah genap 30 tahun dan enam bulan berkhidmat di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Beliau telah memulakan kerjaya sebagai rimbawan pada 1 April 1981 dengan memegang jawatan pertama sebagai Pegawai Silvikultur, Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan/ Melaka. Semenjak itu, beliau merupakan seorang pegawai muda yang melaksanakan tugas dengan istilah "*working at running pace*" dan diamalkan sehingga kini. Sepanjang perkhidmatan di JPSM, beliau telah memegang beberapa jawatan sepertimana berikut;

16 October 2011 has been considered as a significant date for an ordinary forester graduated with Bachelor of Science (Forestry) from University Pertanian Malaysia (currently known as University Putra Malaysia) who is known to be diligent, hardworking and dedicated officer. On this date, he has been appointed as the 22nd Director-General of Forestry Peninsular Malaysia (DGFPM) after serving 30 years and six months in the Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM). He began his career as a forester on 1 April 1981 with his first posting as Silviculturist for the State Forestry Department of Negeri Sembilan & Malacca. Since then, he was recognised as a junior officer who undertakes duties at running pace which he continues to practice until today. Throughout his career in FDPM, he held several positions, namely :

- Pegawai Silvikultur, Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan & Melaka (1 April 1981-1984)
- Pegawai Perancangan Hutan, Unit Perancangan Hutan, IPPSM (1985 - 1997)
- Pegawai Silvikultur Kanan, Unit Silvikultur, IPPSM (1997 – 1998)
- Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan & Melaka (1999 - 2001)
- Timbalan Pengarah, Unit Ladang Hutan, IPPSM (2001 - 2004)
- Pengarah, Unit Ladang Hutan, IPPSM (2004 - 2006)
- Pengarah Perhutanan Negeri, Jabatan Perhutanan Negeri, Johor (2006 - 2008)
- Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Perancangan dan Pembangunan), JPSM (2008 - 2009)
- Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Dasar dan Perancangan), JPSM (2009 - 2011)
- Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, JPSM (16 Oktober 2011- sehingga kini)

- *Silviculturist, State Forestry Department, Negeri Sembilan & Malacca (1 April 1981 - 1984)*
- *Forest Planning Officer, Forest Planning Unit, FDPMHq (1985 - 1997)*
- *Senior Silviculturist, Silviculture Unit, FDPMHq (1997 – 1998)*
- *Deputy State Director of Forestry, State Forestry Department, Negeri Sembilan & Malacca (1999 - 2001)*
- *Deputy Director, Forest Plantation Unit, FDPMHq (2001 - 2004)*
- *Director, Forest Plantation Unit, FDPMHq (2004 - 2006)*
- *State Director of Forestry, State Forestry Department, Johore (2006 - 2008)*
- *Deputy Director-General of Forestry Peninsular Malaysia (Planning and Development), FDPM (2008 - 2009)*
- *Deputy Director-General of Forestry Peninsular Malaysia (Policy and Planning), FDPM (2009 - 2011)*
- *Director-General of Forestry Peninsular Malaysia, FDPM (16 October 2011- current)*



YBhg. Dato' Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim amat percaya bahawa dengan penerapan dan penghayatan Budaya Kerja Cemerlang di kalangan seluruh warga perhutanan dapat membangun dan meningkatkan imej JPSM. Sekaligus, merealisasikan wawasan, melaksanakan misi murni dan mencapai objektif JPSM. Beliau sering memberi saranan dalam ucapan-ucapan rasminya yang menyarankan fokus kepada kerja, kerja berpasukan, cepat dan tepat, tangkas, sentiasa bersikap positif dan pro-aktif. Semuanya adalah usaha ke arah merealisasikan wawasan JPSM seiring matlamat pencapaian Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju.

Fokus kepada budaya kerja cemerlang ditingkatkan selepas pelantikan beliau sebagai KPPSM akan menambah keyakinan diri dan seterusnya membawa perubahan kepada sikap warga JPSM. Ini disokong dengan kompetensi yang sedia ada, peningkatan produktiviti dan usaha gigih akan membawa warga JPSM keluar daripada zon selesa.

Budaya kerja cemerlang yang dimiliki beliau diluaskan sehingga penglibatan diri secara aktif di forum-forum peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sebanyak 31 panel kebangsaan dan antarabangsa telah disertai sepanjang perkhidmatan beliau, termasuklah mempengerusikan Kumpulan Pakar peringkat antarabangsa; antaranya sebagai Pengerusi, *"International Forest Resource Group, FDPM (2006 hingga kini)*, Pengerusi Kumpulan Pakar, *"International Tropical Timber Organisation's (ITTO's) Expert Panel for Project/Pre-project Appraisal and Evaluation (1999–2000)"*; Timbalan Pengerusi, "*Committee on Reforestation and Forest Management under the International Tropical Timber Council (2011)"* dan di arena tempatan sebagai Pengerusi '*Working Committee on Raw Material under the National Timber Industrial Policy 2009–2020, Malaysia"*.

YBhg. Dato' Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim juga memiliki Ijazah Doktor Falsafah (*Operational Research in Forestry*) daripada Universiti Aberdeen, Scotland, United Kingdom pada tahun 1998. Tahap pencapaian tertinggi akedemik beliau ini telah menjadikan beliau sebagai satu-satunya Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia yang memiliki Ijazah Doktor Falsafah di antara 21 orang Ketua Pengarah Perhutanan sebelumnya. Dengan pengetahuan, kepakaran dan kemahiran beliau dalam bidang perhutanan, beliau telah mengorak satu perubahan budaya kerja yang lebih dinamik dan progresif di kalangan warga perhutanan.

Komitmen beliau yang tinggi untuk melakukan perubahan dalam pendekatan pengurusan dan cara berkerja warga JPSM seperti pengamalan "Strategi Lautan Biru" serta ciri-ciri kepimpinan beliau yang tegas adalah amat ketara. Dalam tempoh yang singkat, beliau telah mengadakan majlis dialog dengan pegawai-pegawai kanan dan kakitangan lapangan, khususnya kakitangan berpakaian seragam yang merupakan 71% tenaga penting JPSM di lapangan. Beliau juga mengambil berat dan memberikan perhatian serius ke arah meningkatkan kemahiran dan kepakaran warga perhutanan. Beliau sering menggalakkan semua pegawai melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi supaya JPSM mempunyai peningkatan bilangan pegawai berintelektual bagi membolehkan usaha memacukan JPSM ke hadapan "Buangkan semua sikap negatif, sentiasa bersikap positif, berikan (bagikan) sentiasa yang terbaik dan berulang-ulang kali (Istiqamah). **"Anda boleh, Saya boleh, Kita boleh, JPSM boleh"**. Pelaksanaan perubahan ini pasti akan membawa JPSM kepada satu tahap yang lebih cemerlang menjelang tahun-tahun mendatang terutama sekali menjelang tahun 2020.

YBhg. Dato' Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim firmly believes that with the adoption of Excellent Work Culture among the forestry personnel could develop and uplift the image of FDPM. Thus, it will further facilitate the realisation of the vision, implementation of the mission and achieving FDPMs' objectives. In his speeches, he often reminding the need to focus on work, working in teamwork, fast and precise, agile, and always having a positive and pro-active attitude. All these undertakings are geared towards realising the vision of FDPM which is also in line with the objective of Malaysia Vision 2020 - to be a developed nation.

On his appointment as DGFPM, he continues to emphasise on excellent work culture which will further increase the level of self-confidence that changes the attitude of the personnel of FDPM. Coupled with existing competency, increasing productivity and continuous efforts, it will help FDPM to move away from the comfort zone.

Excellent work culture inherited in him further broadens his active involvement in national and international fora. He had participated in 31 national and international panels to date, including chairing the Expert Group at the international level, notably as Chairman of FDPM International Forest Resource Group (2006 to current), Chairman of Expert Panel to the International Tropical Timber Organisation's (ITTO's) Expert Panel for Project/ Pre-project Appraisal and Evaluation (1999–2000), Vice-Chairman of the Committee on Reforestation and Forest Management under the International Tropical Timber Council (2011); and at local level as Chairman of the Working Committee on Raw Material under the National Timber Industrial Policy 2009–2020, Malaysia.

YBhg. Dato' Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim also has a Doctor of Philosophy (Operational Research in Forestry) from the University of Aberdeen, Scotland, United Kingdom in 1998. He is the sole Director-General of Forestry Peninsular Malaysia who holds a doctorate degree among his 21 predecessors. With the knowledge, skills and expertise in the field of forestry, he has induced the dynamic and progressive work culture among forestry personnel.

